

PM kesal pegawai tidak amanah

GEORGETOWN, Rabu — Mereka yang membocorkan rahsia kerajaan kepada al-Arqam mungkin mahu mendapatkan sesuatu untuk diri mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri kesal kerana ada kakitangan awam yang tidak amanah dan membocorkan rahsia kerajaan kepada orang lain.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata siasatan dibuat dan tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang terbabit.

Beliau menegaskan, sesiapa yang membocor rahsia kerajaan adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Ràhsia Rasmi (OSA).

"Kita akan siasat dakwaan minit mesyuarat Ke-

menterian Dalam Negeri (KDN) mengenai al-Arqam jatuh ke tangan pengikut al-Arqam.

"Kita khuatir mungkin ada orang yang simpati dengan al-Arqam atau ahlinya, berada dalam kerajaan.

"Kesetiaan mereka tidak boleh diharapkan," katanya selepas mempe- ngerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di sini, hari ini.

Perdana menteri diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut polis menyiasat bagaimana minit mesyuarat Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai al-Arqam boleh jatuh ke tangan kumpulan itu.

Laporan itu yang memetik Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Mohd Noor sebagai berkata, pi-

haknya mengesyaki berlaku kebocoran di kementerian itu sehingga laporan sulit seperti minit mesyuarat boleh dikeluarkan.

Mengenai laporan yang menyebut pemimpin al-Arqam, Ashaari Muhammad memberi lampu hijau kepada pengikutnya untuk merampas kuasa tetapi ia tidak berlaku kerana ada antara mereka berpaling tadah, Dr Mahathir berkata:

"Saya rasa lega apabila mendengar mereka tidak menurut arahan Ashaari."

Ditanya kenapa baru kini kerajaan mula bertindak terhadap al-Arqam berbanding kegiatannya yang sudah lama bergerak, Perdana Menteri berkata ia tidak salah selagi sesuatu kumpulan itu cuma tertumpu kepada

perkembangan agama yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Di Malaysia, katanya, banyak kumpulan agama yang mendakwa diri mereka sebagai pendakwah, boleh bebas bergerak dan kerajaan tidak melarangnya kerana negara ini memberi kebebasan beragama.

"Tetapi bagi penganut Islam, apabila mereka lari jauh daripada ajaran Islam dan berbahaya kita bertanggungjawab untuk bertindak.

"Dulu tak ada dan kini nampak jelas ia lari jauh daripada ajaran Islam dengan kepercayaan Ashaari adalah Imam Mahdi atau mereka percaya seseorang daripada mereka adalah Imam Mahdi. Jelas, ini tidak ada asas sama sekali," katanya.